



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PEGUAM NEGARA



# PELAN STRATEGIK

BERTEKAD  
MENEGAKKAN  
KEADILAN

## 2021-2025

Cetakan Pertama 2021  
Hak Cipta Jabatan Peguam Negara (AGC)

**DITERBITKAN OLEH:**

JABATAN PEGUAM NEGARA  
NO. 45, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA, W.P PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : 03-8872 2000  
Faks : 03-8890 5670  
Laman Sesawang : [www.agc.gov.my](http://www.agc.gov.my)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Pengurusan, Jabatan Peguam Negara (AGC).

# KATA- KATA ALUAN YBHG. TAN SRI PEGUAM NEGARA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, Pelan Strategik Jabatan Peguam Negara (AGC) 2021-2025 berjaya direalisasikan dengan jayanya. Pelan Strategik kali ini dirangka dan disediakan dalam situasi mencabar dengan mengambil kira norma baharu semasa penularan pandemik COVID-19.

Pelan Strategik merupakan satu blueprint yang amat penting untuk dijadikan sebagai asas panduan sesebuah organisasi bagi menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat Jabatan untuk tempoh masa yang ditetapkan. Justeru, Pelan Strategik AGC 2021-2025 disediakan sebagai inisiatif berterusan AGC dalam memastikan Visi "Organisasi Perundangan Awam Bertaraf Dunia" dan Misi "Mendukung Perlembagaan dan Undang-Undang bagi Melindungi Kepentingan Negara Melalui Perkhidmatan Perundangan yang Berkualiti Tinggi, Cekap, Adil dan Saksama Serta Pendakwaan Yang Bebas" dapat dicapai.

Bagi memastikan pemantauan dan keberkesanan Pelan Strategik AGC ini, semua warga AGC memainkan peranan penting dalam menyokong setiap Teras, Strategi dan Program yang telah ditetapkan. AGC sebagai sebuah organisasi perundangan akan terus memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan agar sentiasa teratur, efektif dan cekap.

Saya berharap Pelan Strategik ini akan menjadi dokumen rujukan dalam memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan program mencapai kejayaan untuk tempoh lima (5) tahun.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat termasuk pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) serta Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja dalam penyediaan dokumen Pelan Strategik AGC 2021-2025.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memperbaharui tekad dan semangat dalam memberikan perkhidmatan terbaik bagi memastikan AGC akan terus kekal relevan dengan persekitaran semasa dan mampu menambah baik persepsi serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap Institusi Perundangan khususnya AGC.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI IDRUS BIN HARUN**  
Peguam Negara Malaysia




# RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Peguam Negara (AGC) merupakan institusi Kerajaan yang memberikan perkhidmatan perundangan merangkumi khidmat nasihat dalam bidang undang-undang, menjadi sumber rujukan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai isu perundangan yang timbul, menggubal semua perundangan untuk Kerajaan Persekutuan, mengendalikan kes pendakwaan bagi kes jenayah, mewakili Kerajaan di dalam kes sivil serta menguruskan penyemakan dan pencetakan semula undang-undang dan membuat kajian pembaharuan undang-undang.

Dokumen ini telah dirangka selari dengan hala tuju AGC yang turut menyokong kepada pelaksanaan dasar-dasar utama Kerajaan seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2023 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Oleh itu, bagi memastikan sasaran-sasaran yang dirancang berjaya dilaksanakan, **empat (4) Teras Strategik** telah dibangunkan bagi tempoh 2021 hingga 2025 seperti berikut:



Setiap teras ini disokong oleh **11 Strategi** dan **25 Program** sebagai panduan kepada Bahagian yang berperanan sebagai peneraju pelaksanaan program. Bagi memastikan Pelan Strategik ini dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan, strategi dan program akan dipantau dan dibuat kajian semula secara berkala sepanjang tempoh lima (5) tahun. Dokumen ini juga akan dikemaskini dari semasa ke semasa dengan mengambil kira perubahan dan relevansi strategi dan program yang telah digariskan dalam Pelan Strategik.

<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
Pengenalan	6
Latar Belakang AGC	7
Struktur Organisasi	9
Fungsi dan Peranan Umum AGC	17
Punca Kuasa	24
<b>BAB 2 : SENARIO PERSEKITARAN</b>	
Pemegang Taruh dan Pelanggan	30
Isu dan Cabaran	31
Isu Perundangan Semakin Kompleks dan Rumit	32
Persepsi Awam Terhadap Institusi Perundangan	32
Peningkatan Penggunaan Teknologi Digital	33
<b>BAB 3 : HALA TUJU STRATEGIK</b>	
Visi	36
Misi	36
Moto / Slogan	36
Nilai-Nilai Bersama	37
Teras	38
<b>BAB 4 : STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN</b>	
Kerangka Pelan Strategik AGC 2021-2025	42
<b>BAB 5 : IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN</b>	
Elemen Penentu Kejayaan	50
Pelaporan	51
Pemantauan	52
Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik AGC 2021-2025	53
Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik AGC 2021-2025	54
Ahli Jawatankuasa Kerja	55
Urus Setia Induk Pelan Strategik Jabatan Peguam Negara 2021-2025	58
<b>BAB 6 : PENUTUP</b>	
Kesimpulan	62
Penghargaan	63
Pasukan Editor	64





**BAB 1** PENDAHULUAN

## PENGENALAN

Pelan Strategik AGC merupakan dokumen perancangan utama dalam rangka kerja untuk mencapai hala tuju Jabatan. Dokumen ini juga merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik AGC 2016-2020 yang telah dirangka sejak tahun 2013.

Selaku badan perundangan utama Negara, AGC merupakan salah satu agensi yang memainkan peranan penting bagi menyokong dasar-dasar utama Kerajaan. AGC berperanan sebagai agensi sokongan dalam memberikan khidmat nasihat perundangan kepada pelaksana-pelaksana dasar

di Kementerian/ Agensi bagi memastikan hasrat negara yang telah digariskan dalam RMKe-12 dan WKB 2023 dapat direalisasikan.

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan perubahan yang ketara dalam cara bekerja perkhidmatan awam iaitu dengan penggunaan teknologi digital yang lebih meluas. Selaras dengan RMKe-12 yang transformatif, pembangunan Pelan Strategik AGC 2021-2025 merangkumi elemen pemantapan pendigitalan sebagai salah satu pendekatan strategik Jabatan bagi memastikan fungsi AGC tidak terjejas.





## LATAR BELAKANG

Semasa pembentukan Malayan Union pada tahun 1946, Peguam Negara bagi Malayan Union telah dilantik untuk mengambil alih autoriti *Chief Legal Officer* kepada Pentadbiran Tentera British Malaya yang sebelum itu telah mengambil alih pentadbiran tentera Jepun di Malaya selepas Kerajaan Jepun menyerah kalah. Autoriti *Legal Officer* juga telah dipindahkan kepada Peguam Negara manakala autoriti *Deputy Legal Officer* juga telah dipindahkan kepada *Crown Counsel* (kemudiannya dikenali sebagai *Federal Counsel*).

Pemindahan kuasa ini jelas diperuntukkan di bawah *Transfer of Powers and Interpretation Ordinance, 1946* [No. 2 of 1946]. Pada ketika itu, AGC dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang dan Peguam Negara merupakan Ketua Jabatan Undang-Undang tersebut. Jabatan Undang-Undang ini berada di bawah Pesuruhjaya Tinggi British yang dikenali sebagai *Federal Secretariat* dan terletak di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Pelbagai fungsi nasihat perundangan sewaktu zaman pemerintahan kolonial telah diselaraskan menjadi sebuah jabatan persekutuan sejajar dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Peguam Negara telah dibenarkan untuk melantik timbalan beliau iaitu Peguam Cara Negara dan seberapa ramai pegawai undang-undang yang diperlukan untuk membantu beliau menjalankan tugasnya.

Kemudian pada tahun 1951, Jabatan Peguam Negara (sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang) telah dikelaskan sebagai sebuah Kementerian dan telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga semua hal ehwal perundangan yang melibatkan kerajaan.



Sejak kemerdekaan dicapai pada tahun 1957, Jabatan Peguam Negara telah diletakkan di bawah pelbagai kementerian seperti berikut:

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI DAN KEADILAN**

1957

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI DAN KEADILAN**

1964

**KEMENTERIAN KEHAKIMAN**

1959

1974

**KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG DAN PEGUAM NEGARA**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

1980 -  
kini

## Pengurusan Tertinggi



**DATUK ABDUL  
RAZAK BIN MUSA**

Peguam Cara Negara  
Sehingga 2 Februari 2022



**DATUK AHMAD  
TERRIRUDIN BIN  
MOHD SALLEH**

Peguam Cara Negara  
Mulai 25 Mac 2022



**TAN SRI IDRUS  
BIN HARUN**

Peguam Negara



**DATUK SITI ZAINAB  
BINTI OMAR**

Peguam Cara Negara II



**DATUK AZIAN  
BINTI MOHD AZIZ**

Penggubal  
Undang-Undang  
Parlimen



**DATO' HAJI NIK  
SUHAIMI BIN NIK  
SULAIMAN**

Ketua Bahagian  
Pendakwaan



**DATUK ALMALENA  
SHARMILA BINTI  
DATO' DR. JOHAN**

Ketua Bahagian Penasihat



**TUAN MANOJ KURUP**

Ketua Bahagian  
Perbicaraan dan Rayuan



**PUAN SUZANA  
BINTI ATAN**

Ketua  
Bahagian Guaman



**PUAN HALIZA  
AINI BINTI DATO'  
OTHMAN**

Ketua Bahagian Hal  
Ehwal Antarabangsa  
Sehingga 11 Disember 2021



**DATO' UMAR  
SAIFUDDIN BIN  
JAAFAR**

Ketua Bahagian Hal Ehwal  
Antarabangsa  
Mulai 13 Disember 2021



**TUAN ABDUL RASID  
BIN SUDIN**

Pesuruhjaya Penyemak  
dan Pembaharuan  
Undang-Undang



**DATUK TAY LEE LY**

Ketua Bahagian  
Penyelidikan



**DATO' ANAS  
BIN AHMAD ZAKIE**

Ketua Bahagian Syariah  
dan Pengharmonian  
Undang-Undang



**TUAN NOOR MOHD  
HUZAILA BIN ABDUL  
MAJID**

Pengarah Bahagian  
Pengurusan



**DATO' UMAR  
SAIFUDDIN  
BIN JAAFAR**

Pengarah Naziran  
Sehingga 12 Disember  
2021



**PUAN  
NURSYUHaida  
BINTI MOHAMED  
YUSOFF**

Ketua Unit Audit Dalam



**PUAN HASMIZA  
BINTI HUSSIN**

Ketua Unit Komunikasi  
Strategik



**PUAN MUNIRAH  
BINTI MOHD AKIB**

Ketua Unit Integriti  
Sehingga 15 Oktober 2021



**PUAN KHAIRUN  
NAHRI BINTI  
MOHD RADZI**

Ketua Unit Integriti  
Sehingga 17 Januari 2022



**PUAN SITI  
NOOR'AINA BINTI  
MAT RASHID**

Ketua Unit Integriti  
Mulai 17 Februari 2022



**PUAN NORMAZLI  
BINTI ABDUL  
RAHIM**

Timbalan Ketua  
Bahagian Penasihat  
(Munisipal 1)



**DATO' ISHAK  
BIN MOHD  
YUSOFF**

Timbalan Ketua  
Bahagian Pendakwaan I



**TUAN AZIZAN  
BIN MD ARSHAD**

Timbalan Ketua  
Bahagian Guaman I



**TUAN PEH SUAN  
YONG**

Timbalan Penggubal  
Undang-Undang Parlimen I



**TUAN DONALD  
JOSEPH  
FRANKLIN**

Timbalan Ketua  
Bahagian Penyelidikan I



**DATO' RAJA  
ROZELA BINTI  
RAJA TORAN**

Timbalan Ketua  
Bahagian Pendakwaan II



**TUAN ALFIAN  
BIN YANG AMRI**

Timbalan Ketua  
Bahagian Hal Ehwal  
Antarabangsa I



**PUAN  
NARKUNAVATHY  
A/P SUNDARESON**

Timbalan Ketua  
Bahagian Guaman II



**DATO' ISKANDAR  
ALI BIN DEWA**

Timbalan Ketua  
Bahagian Penasihat  
(Munisipal II)



**TUAN MOHD  
AZHAR BIN MOHD  
YUSOFF**

Timbalan Penggubal  
Undang-Undang  
Parlimen II





**PUAN MARZAITUL  
AZURA BINTI  
MOKHTAR**

Timbalan Ketua  
Bahagian Penyelidikan II



**DATO' MOHD  
DUSUKI BIN  
MOKHTAR**

Timbalan Ketua  
Bahagian Perbicaraan dan  
Rayuan



**TUAN MUHAMAD  
ISKANDAR BIN  
AHMAD**

Timbalan Ketua  
Bahagian Pendakwaan III



**PUAN SALWANI  
BINTI ABDULLAH**

Timbalan Ketua  
Bahagian Syariah dan  
Pengharmonian Undang-  
Undang



**PUAN WAN  
RUFIDAH  
BINTI DATO' HJ  
WAN OMAR**

Timbalan Pesuruhjaya  
Penyemak dan  
Pembaharuan  
Undang-Undang II




**DR. SURAYA  
BINTI HARUN**

Timbalan Ketua  
Bahagian Hal Ehwal  
Antarabangsa II



**PUAN NIK  
ROSMILAWATI  
BINTI NIK YUSOFF**

Timbalan Pesuruhjaya  
Penyemak dan  
Pembaharuan Undang-  
Undang 1



**TUAN SHAMSUL  
BIN BOLHASSAN**

Timbalan Ketua  
Bahagian Guaman III



**ENCIK MOHD  
ZAINI BIN ZAKARIA**

Timbalan Pengarah  
Bahagian Pengurusan  
(Seksyen Pentadbiran, Aset  
dan Kualiti)



**PUAN RAI'DAH  
BINTI MOHD  
YAMAN**

Timbalan Pengarah  
Bahagian Pengurusan  
(Seksyen Sumber Manusia)



**PUAN ZULIANA  
BINTI MOHD AKOB**

Timbalan Pengarah  
Bahagian Pengurusan  
(Seksyen Kewangan dan  
Perolehan)



**ENCIK  
AMARUDDIN  
BIN ISA**

Timbalan Pengarah  
Bahagian Pengurusan  
(Seksyen Teknologi  
Maklumat)  
Sehingga 17 Disember  
2021



**PUAN HAJAH WAN  
ROSHIDAH BINTI  
WAN ISMAIL**

Timbalan Pengarah  
Bahagian Pengurusan  
(Seksyen Teknologi  
Maklumat)  
Mulai 3 Januari 2022



**PUAN KAMARIAH  
BINTI JAAFAR**


Timbalan Pengarah  
Bahagian Pengurusan  
(Seksyen Pusat Sumber)  
Sehingga 1 Jun 2021



**ENCIK MOHD  
HARIS BIN KASIM**

Timbalan Pengarah  
Bahagian Pengurusan  
(Seksyen Pusat Sumber)  
Mulai 1 September 2021

## FUNGSI DAN PERANAN



# FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi AGC terbahagi kepada tiga sektor utama iaitu **Sektor Perundangan, Penasihat dan Litigasi** bagi memastikan AGC dapat memberikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan seiring dengan dasar-dasar Kerajaan. Di samping tiga (3) sektor ini, Peguam Negara juga bertanggungjawab menyelia dan memantau **Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri, Cawangan AGC, Naziran, Bahagian Pengurusan, Unit Audit Dalam, Unit Integriti dan Unit Komunikasi Strategik.**



## SEKTOR PERUNDANGAN

1. Bahagian Gubalan
2. Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang



## SEKTOR PENASIHAT

1. Bahagian Penasihat
2. Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa
3. Bahagian Penyelidikan
4. Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-undang



## SEKTOR LITIGASI

1. Bahagian Pendakwaan
2. Bahagian Perbicaraan dan Rayuan
3. Bahagian Guaman



## SEKTOR PENGURUSAN AM

1. Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri (PUUN)
2. Cawangan Jabatan Peguam Negara (Cawangan AGC)
3. Naziran
4. Bahagian Pengurusan
5. Unit Audit Dalam
6. Unit Integriti
7. Unit Komunikasi Strategik



## SEKTOR PERUNDANGAN



### BAHAGIAN GUBALAN

Memastikan undang-undang yang digubal dan disemak serta perundangan yang disiarkan dalam warta Kerajaan Persekutuan memenuhi keperluan pelanggan.



### BAHAGIAN PENYEMAKAN DAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

- a) Menyemak dan mencetak semula undang-undang;
- b) Melaksanakan pembaharuan undang-undang dalam perkara tertentu yang dikenal pasti;
- c) Memperluas dan mengubah suai undang-undang Persekutuan, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan
- d) Menterjemah undang-undang pra-1967 daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Kebangsaan.



## SEKTOR PENASIHAT



### BAHAGIAN PENASIHAT

Memberi nasihat perundangan yang berkualiti dan professional selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang kepada Kerajaan dalam masa yang ditetapkan.



### BAHAGIAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

- a) Melindungi dan memelihara hak dan kepentingan Malaysia di arena antarabangsa;
- b) Memberi nasihat undang-undang kepada Kerajaan menurut prinsip undang-undang antarabangsa, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang domestik, dasar negara dan kepentingan awam; dan
- c) Memastikan obligasi antarabangsa di bawah mana-mana perjanjian/triti/konvensyen yang telah ditandatangani, dipersetujui, diratifikasi, disertai atau dianggotai oleh Malaysia disempurnakan dengan teratur.



### BAHAGIAN PENYELIDIKAN

Menyediakan khidmat penyelidikan yang berkualiti, profesional dan menyeluruh berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang domestik dan antarabangsa, dasar Kerajaan dan faktor lain yang berkenaan dalam masa yang ditetapkan.



### BAHAGIAN SYARIAH DAN PENGHARMONIAN UNDANG-UNDANG

Memberi nasihat dan ulasan undang-undang mengenai perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan, penguatkuasaan dan penggubalan undang-undang syariah di peringkat Persekutuan.



## SEKTOR LITIGASI



### BAHAGIAN PENDAKWAAN

Memberi khidmat nasihat dan arahan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang dan mengendalikan pendakwaan serta prosiding jenayah di mahkamah bagi menentukan penjenayah dihukum di sisi undang-undang.



### BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN

Memastikan perbicaraan dan rayuan kes jenayah dan sivil di mahkamah dibicarakan dengan penyampaian standard profesionalisme guaman yang tinggi, efisien, adil dan saksama.



### BAHAGIAN GUAMAN

Mengendali semua tindakan guaman oleh dan terhadap Kerajaan Malaysia serta mewakili Peguam Negara dalam keadaan tertentu mengikut peruntukan undang-undang



## SEKTOR PENGURUSAN AM



### NAZIRAN

Menyelia dan memantau semua PUU dan PPUU di bawah Sektor Perundangan, Penasihat dan Litigasi yang ditempatkan di Negeri atau Cawangan AGC, kader di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan peminjaman di Badan Berkanun atau pertukaran sementara di mana-mana agensi Kerajaan.



### UNIT AUDIT DALAM

Merancang, melaksanakan pengauditan serta memberi khidmat nasihat dan menyediakan laporan pengauditan yang seimbang bagi memastikan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi.



### UNIT INTEGRITI

Melaksanakan aktiviti tadbir urus, integriti, anti rasuah dan tatatertib.



### UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK

Mengurus maklum balas aduan dan pertanyaan, perkhidmatan pelanggan, fotografi serta menyelaras perhubungan dan pengurusan media AGC.



**PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI (PPUUN)**

(Pejabat PUUN terdiri daripada sebelas (11) Negeri iaitu Pahang, Kelantan, Terengganu, Perak, Selangor, Kedah, Perlis, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Johor)

Mengendali nasihat, kes jenayah, guaman dan semakan undang-undang berlandaskan peraturan dan undang-undang serta arahan pentadbiran dan kewangan ibu pejabat.

**CAWANGAN JABATAN PEGUAM NEGARA (CAWANGAN AGC)**

(Cawangan AGC melibatkan tiga (3) Negeri iaitu Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

Mengendali nasihat, kes jenayah, guaman dan semakan undang-undang berlandaskan peraturan dan undang-undang serta arahan pentadbiran dan kewangan ibu pejabat.

**BAHAGIAN PENGURUSAN**

Memberikan perkhidmatan sokongan kepada Bahagian-Bahagian lain dalam semua perkara berkaitan dengan pentadbiran, aset, keselamatan, pengurusan kewangan, belanjawan dan perolehan, pengurusan sumber manusia, sumber maklumat dan teknologi maklumat.

## PUNCA KUASA

### Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan merupakan punca kuasa utama Peguam Negara.

Fasal (2) Perkara 145 memperuntukkan bahawa Peguam Negara mempunyai kewajipan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong, Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang. Kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan menjadikan Peguam Negara penasihat utama kepada Kerajaan Malaysia.

Fasal yang sama juga meletakkan kewajipan ke atas Peguam Negara untuk melaksanakan apa-apa tugas yang bersifat undang-undang ke atas Peguam Negara yang dirujuk atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri.

Fasal (3) Perkara 145 pula memberi kuasa kepada Peguam Negara, mengikut budi bicara beliau, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding jenayah di mana-mana mahkamah, kecuali di mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera. Dalam menjalankan kuasa ini, Peguam Negara bertindak sebagai Pendakwa Raya.

Melalui punca kuasa yang diberikan oleh Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara menjalankan fungsi memberikan pandangan undang-undang kepada Kerajaan Malaysia, menggubal undang-undang persekutuan, menjalankan pendakwaan dalam kes-kes jenayah serta mewakili Kerajaan Malaysia dalam mana-mana guaman sivil di mana Kerajaan Malaysia membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya.

Dalam menjalankan tugasnya, Peguam Negara dibantu oleh Peguam Cara Negara. Dalam hal ini, Peguam Cara Negara boleh melaksanakan mana-mana kewajipan dan menjalankan mana-mana kuasa Peguam Negara. Ini adalah diperuntukkan di bawah seksyen 40A kepada Jadual Kesebelas Perlembagaan Persekutuan. Selanjutnya, di bawah subseksyen 376(2) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] Peguam Cara Negara juga mempunyai semua kuasa sebagai Timbalan Pendakwa Raya dan akan bertindak sebagai Pendakwa Raya dalam ketiadaan atau ketidakupayaan Peguam Negara untuk bertindak.

## PUNCA KUASA

Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut:

1



Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seorang yang berkelayakan menjadi hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Peguam Negara bagi Persekutuan.

2



Menjadi kewajipan Peguam Negara untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujuk atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri, dan melaksanakan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

## PUNCA KUASA

3



Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya, untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan mahkamah Syariah, mahkamah anak negeri atau mahkamah tentera.

3A



Undang-Undang Persekutuan boleh memberi Peguam Negara kuasa untuk menentukan mahkamah yang di dalamnya atau tempat apa-apa prosiding yang dia mempunyai kuasa untuk memulakannya di bawah Fasal (3) hendak dimulakan atau prosiding itu hendak dipindahkan.

4



Dalam melaksanakan tugasnya Peguam Negara berhak untuk didengar di dalam mana-mana mahkamah atau tribunal di Persekutuan dan hendaklah diberi keutamaan daripada mana-mana orang lain yang hadir di mahkamah atau tribunal itu.

## PUNCA KUASA

5



Tertakluk kepada Fasal (6), Peguam Negara hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan, melainkan jika dia ialah anggota Jemaah Menteri, hendaklah menerima apa-apa saraan yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

6



Orang yang memegang jawatan Peguam Negara sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perkara ini hendaklah terus memegang jawatan itu atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai baginya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perkara ini dan tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan".





# BAB 2

## SENARIO PERSEKITARAN

# PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN

## PIHAK BERKEPENTINGAN

Yang Di Pertuan Agong

Majlis Raja-Raja

Jemaah Menteri

Agensi Pusat



## RAKAN STRATEGIK

Kementerian/ Jabatan/  
Agensi Kerajaan

Agensi Antarabangsa

Agensi Penguatkuasaan



## PELANGGAN

Kementerian/ Jabatan/  
Agensi Kerajaan







# 1

## Isu Perundangan Semakin Kompleks dan Rumit

Sejajar dengan kemajuan pelbagai aspek kehidupan di era globalisasi termasuk perkembangan pesat ilmu pengetahuan dan teknologi, berlaku perubahan yang ketara dari segi kompleksiti isu dan hal perkara undang-undang, dan juga beban tugas serta kebertanggungjawaban Peguam Negara dalam perkhidmatan perundangan yang terus meningkat sama ada di dalam atau di luar negara.

Kemajuan dan perkembangan semasa di serata dunia serta cabaran-cabaran baru seperti keselamatan siber, perkembangan teknologi yang pesat dan pandemik COVID-19 membawa pelbagai cabaran kepada bidang perundangan.

Justeru, Peguam Negara perlu terus diberi sokongan strategik oleh Pegawai Undang-Undang (PUU) dengan daya keintelektualan yang tinggi berasaskan pengalaman, kepakaran, pengetahuan dan kemahiran yang selari dengan keperluan pihak berkepentingan sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri mahupun luar negara.

Oleh itu, Pelan Strategik ini akan memfokuskan kepada program pemantapan modal insan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi pantas, cekap serta relevan dengan cabaran semasa.

# 2

## Persepsi Awam Terhadap Institusi Perundangan

Perkembangan teknologi media massa dan media sosial yang merentasi sempadan menjadikan masyarakat lebih mudah terpengaruh dengan penyebaran berita dan laporan yang tidak tepat berkenaan dengan Pegawai Undang-Undang (PUU) dan AGC. Perkara ini telah menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat terhadap integriti PUU sekaligus menghakis kepercayaan awam terhadap AGC sebagai suatu organisasi yang berperanan menegakkan keadilan.

PUU sama ada yang ditempatkan di AGC, Kementerian /Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun, Kerajaan Negeri dan di Agensi lain sentiasa menjalankan

amanah yang dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, persepsi yang negatif daripada orang awam akan memberi impak kepada motivasi dan daya juang PUU dalam melaksanakan tugas dan persepsi yang negatif ini juga boleh menjejaskan kepentingan negara dan imej Kerajaan.

Bagi menangani cabaran ini, strategi dan pelan perlu dirangka bagi memantapkan etika dan budaya integriti dalam kalangan PUU. Suatu sistem pelaporan aduan yang sedia ada perlu ditambah baik bagi memudahkan orang awam menyalurkan apa-apa aduan salah laku PUU.

## 3

## Peningkatan Penggunaan Teknologi Digital

Pandemik yang bermula pada tahun 2020 telah mengubah lanskap perkhidmatan awam untuk mendepani persekitaran norma baharu dengan peningkatan penggunaan teknologi digital. Pelan Strategik ini telah mengambil kira komitmen Jabatan dalam merangka dan menyusun strategi menghadapi pelbagai situasi.

Persekitaran kerja secara maya telah menjadi budaya baharu di Jabatan ini untuk memastikan perkhidmatan AGC tidak terjejas dalam tempoh menghadapi pandemik COVID-19. Aktiviti harian Jabatan seperti mesyuarat, sesi libat urus, perbincangan dan kursus telah dilaksanakan secara maya. Fungsi utama AGC khususnya pengendalian kes-kes di mahkamah, penggubalan dan nasihat undang-undang turut dilaksanakan menggunakan aplikasi dalam talian.

Walau bagaimanapun, cabaran utama pelaksanaan pendigitalan di Jabatan ini adalah untuk mentransformasi budaya kerja dalam kalangan warga AGC agar berubah kepada persekitaran maya. Dalam masa yang sama, peningkatan teknologi dalam pendigitalan juga perlu berdepan dengan ancaman keselamatan siber yang semakin canggih.

Justeru, bantuan sokongan teknikal sentiasa diberikan keutamaan selaras dengan perubahan ini. Program pemantapan pendigitalan perkhidmatan telah dirangka bagi mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi. Seiring dengan itu juga, peningkatan aspek keselamatan siber juga dititikberatkan untuk memastikan segala penyediaan maklumat terkini yang tepat dapat dilaksanakan melalui pelbagai medium yang boleh dicapai sepanjang masa, sentiasa selamat dan terjamin kesahihannya.





# BAB 3 HALA TUJU STRATEGIK



## **VISI**

**“Organisasi Perundangan Awam Bertaraf Dunia”**

## **MISI**

**“Mendukung Perlembagaan dan Undang-Undang bagi Melindungi Kepentingan Negara melalui Perkhidmatan Perundangan yang Berkualiti Tinggi, Cepak, Adil dan Saksama serta Pendakwaan yang Bebas”**

## **MOTO / SLOGAN**

**Bertekad Menegakkan Keadilan**

## NILAI-NILAI BERSAMA

Nilai-nilai bersama Jabatan dibentuk dari akronim A.G.C iaitu Amanah, Gigih dan Cemerlang yang dipegang sebagai prinsip sosial dalam mencapai misi dan visi AGC. Nilai bersama ini perlu dikongsi oleh semua warga AGC dan penting untuk membina sebuah organisasi yang berdaya tahan dan bersepadu bagi memastikan kejayaan sistem penyampaian yang berkesan di AGC. Nilai bersama tersebut menyerlahkan kemahiran, sikap dan ilmu pengetahuan yang diperlukan bagi setiap warga AGC untuk melaksanakan tugas masing-masing.

Nilai bersama menunjukkan kemampuan warga AGC untuk menggalas kepercayaan masyarakat bagi menjunjung kedaulatan undang-undang. AGC komited dengan nilai yang berikut:





**Pengendalian Kes  
Yang Efektif**

**TERAS  
1**



**Nasihat yang Teratur  
dari segi Undang-Undang**

**TERAS  
2**



TERAS  
3

**Undang-Undang  
Relevan dan Kemas Kini**

TERAS  
4

**Memantapkan Tadbir  
Urus Organisasi untuk  
Mempertingkatkan  
Kecekapan Penyampaian  
Perkhidmatan**







# BAB 4 STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

# KERANGKA PELAN STRATEGIK JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC) 2021-2025

AGENDA GLOBAL / NASIONAL	1) Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030					
VISI	Organisasi perundangan awam bertaraf dunia					
MISI	Mendukung perlembagaan dan undang-undang bagi melindungi kepentingan Negara melalui perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi, cekap, adil dan saksama serta pendakwaan yang bebas					
KEBERHASILAN STRATEGIK (Teras)	Teras 1: Pengendalian Kes yang Efektif (Sektor Litigasi)		Teras 2: Nasihat yang Teratur Dari Segi Undang-Undang (Sektor Penasihat)			
TERAS STRATEGIK (Strategi)	Strategi 1: Memantapkan proses pendakwaan, percaraan dan rayuan kes-kes sivil dan jenayah	Strategi 2: Memperkemaskan tadbir urus pengendalian kes	Strategi 1: Memperkasakan pemberian khidmat rundingan perjanjian dan khidmat nasihat undang-undang	Strategi 2: Memperkukuhkan Tadbir Urus dan Kualiti Penyelidikan dan Nasihat Undang-Undang	Strategi 3: Meningkatkan jalinan kerjasama strategik bersama agensi sektor awam dan antarabangsa	Strategi 4: Mengharmonikan dan menyeragamkan undang-undang Syariah
PROGRAM (Keyword)	<p><b>Program 1:</b> Penelitian Kertas Siasatan untuk keputusan</p> <p><b>Program 2:</b> Pengendalian kes-kes: a. Pendakwaan di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi b. Sivil di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi c. Rayuan sivil dan jenayah di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan</p>	<p><b>Program 1:</b> Pewujudan Garis Panduan: a. Garis panduan, arahan guaman atau nota taklimat kes-kes sivil b. Arahan Pendakwa Raya/Pekeliling Pendakwaan c. Buku Panduan Pendakwaan</p> <p><b>Program 2:</b> Program latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai: a. Bahagian Pendakwaan b. Bahagian Guaman c. Bahagian Percaraan &amp; Rayuan</p>	<p><b>Program 1:</b> Pewujudan Garis Panduan: a. Terma-Terma Boilerplate Perjanjian Kerajaan b. Penyediaan Ulasan kepada Memorandum Jemaah Menteri berkaitan hal ehwal antarabangsa</p> <p><b>Program 2:</b> Kompilasi pandangan undang-undang</p>	<p><b>Program 1:</b> Pelaksanaan audit pematuhan tempoh penyelesaian: a. Penyelidikan b. Nasihat Undang-Undang</p> <p><b>Program 2:</b> Program pemantauan pegawai: a. Penyelidikan b. Nasihat Undang-Undang</p> <p><b>Program 3:</b> Penyediaan Sistem Jadual Daftar: a. Penyelidikan b. Nasihat Undang-Undang</p>	<p><b>Program 1:</b> Program Sangkutan Sementara (<i>Cross Fertilization</i>)</p> <p><b>Program 2:</b> Pindaan undang-undang model pentadbiran agama Islam Negeri Sabah dan Sarawak berhubung dengan peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua Agama Islam di Negeri tersebut</p> <p><b>Program 3:</b> Pengharmonian Undang-undang kontrak (Akta Kontrak 1950 [Akta 136]) yang selaras dengan hukum Syarak</p>	<p><b>Program 1:</b> Penyediaan Undang-Undang Model berkenaan Zakat dan Fitrah yang seragam dan digunakan oleh semua Negeri-Negeri</p>
PENERAJU (Bahagian Bertanggungjawab)	Pendakwaan Guaman Percaraan & Rayuan	Pendakwaan Guaman Percaraan & Rayuan	Penasihat Hal Ehwal Antarabangsa	Penyelidikan	Hal Ehwal Antarabangsa	Syariah & Pengharmonian Undang-Undang
PENDOKONG (Bahagian Terlibat)	-	-	-	STM, BPEN	-	-
PENDEKATAN	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dasar &amp; perundangan</li> <li>2. Jaringan &amp; kerjasama strategik dalam dan luar negara</li> </ol>					
GAME CHANGERS	INTERNAL 1. Data bersepadu 2. Nilai bersama			3. Pengurusan perubahan 4. Pelan penggantian (succession planning)		

2) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Teras 3: Undang-Undang Relevan dan Kemas Kini (Sektor Perundangan)		Teras 4: Memantapkan Tadbir Urus Organisasi untuk Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan (Sektor Pengurusan)		
Strategi 1:	Strategi 2:	Strategi 1:	Strategi 2:	Strategi 3:
Memastikan undang-undang yang digubal berdasarkan kehendak Kerajaan dan tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan	Mengemas kini undang-undang melalui semakan dan cetakan semula undang-undang selaras dengan keperluan semasa	Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia	Mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	Memantapkan Pengurusan Integriti Pegawai
<p><b>Program 1:</b></p> <p>Penambahbaikan dan pemerkasaan proses kerja penggubalan perundangan</p> <p><b>Program 2:</b></p> <p>Pengemaskinian dan penambahbaikan Manual Penggubalan bagi Rang Undang-Undang dan Perundangan Subsidiari</p>	<p><b>Program 1:</b></p> <p>Pengumpulan undang-undang yang belum disemak bagi maksud pendigitalan</p> <p><b>Program 2:</b></p> <p>Pemanfaatan penggunaan teknologi bagi mempercepat proses penggubalan, penyemakan dan pencetakan semula undang-undang</p>	<p><b>Program 1:</b></p> <p>Pengukuhan perjawatan</p> <p><b>Program 2:</b></p> <p>Pembangunan modal insan</p> <p><b>Program 3:</b></p> <p>Pewujudan Pelan Landasan Kerjaya Pegawai Undang-Undang</p>	<p><b>Program 1:</b></p> <p>Peningkatan tahap ketersediaan perkhidmatan TMK</p> <p><b>Program 2:</b></p> <p>Peningkatan tahap keselamatan TMK</p> <p><b>Program 3:</b></p> <p>Pemantapan pendigitalan perkhidmatan</p>	<p><b>Program 1:</b></p> <p>Program pengukuhan sahsiah dan integriti pegawai</p> <p><b>Program 2:</b></p> <p>Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) AGC:</p> <p>a. Penggubalan</p> <p>b. Pelaksanaan</p>
Gubalan	Penyemakan & Pembaharuan Undang-Undang	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (SSM), Bahagian Pengurusan	Seksyen Teknologi Maklumat (STM), Bahagian Pengurusan	Unit Integriti
-	STM, BPEN	SEMUA BAHAGIAN	SEMUA BAHAGIAN	-

3. Merekayasa organisasi dan memantapkan tadbir urus

EXTERNAL

1. Global megatrends (global economic power, demographic change, rapid urbanization, rise of technology, climate change)
2. Global health crisis

## KERANGKA PELAN STRATEGIK JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC) 2021-2025

### SEKTOR LITIGASI

<p><b>KEBERHASILAN STRATEGIK (Teras)</b></p>	<p><b>Teras 1:</b> <b>Pengendalian Kes yang Efektif</b></p>	
<p><b>TERAS STRATEGIK (Strategi)</b></p>	<p><b>Strategi 1:</b> Memantapkan proses pendakwaan, perbicaraan dan rayuan kes-kes sivil dan jenayah</p>	<p><b>Strategi 2:</b> Memperkemaskan tadbir urus pengendalian kes</p>
<p><b>PROGRAM</b></p>	<p><b>Program 1:</b> Penelitian Kertas Siasatan untuk keputusan.</p> <p><b>Program 2:</b> Pengendalian kes-kes:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pendakwaan di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi</li> <li>b. Sivil di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi</li> <li>c. Rayuan sivil dan jenayah di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan</li> </ul>	<p><b>Program 1:</b> Pewujudan Garis Panduan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Garis panduan, arahan guaman atau nota taklimat kes-kes sivil</li> <li>b. Arahan Pendakwa Raya atau Pekeliling Pendakwaan</li> <li>c. Buku Panduan Pendakwaan</li> </ul> <p><b>Program 2:</b> Program latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pendakwaan</li> <li>b. Guaman</li> <li>c. Perbicaraan &amp; Rayuan</li> </ul>
<p><b>PENERAJU</b></p>	<p><b>Pendakwaan Guaman Perbicaraan &amp; Rayuan</b></p>	<p><b>Pendakwaan Guaman Perbicaraan &amp; Rayuan</b></p>

KERANGKA PELAN STRATEGIK JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC) 2021-2025

SEKTOR PENASIHAT

KEBERHASILAN STRATEGIK (Teras)	Teras 2: Nasihat yang Teratur Dari Segi Undang-Undang			
TERAS STRATEGIK (Strategi)	Strategi 1:	Strategi 2:	Strategi 3:	Strategi 4:
PROGRAM	<p><b>Program 1:</b></p> <p>Pewujudan Garis Panduan:</p> <p>a. Terma-Terma Boilerplate Perjanjian Kerajaan</p> <p>b. Penyediaan Ulasan kepada Memorandum Jemaah Menteri berkaitan hal ehwal antarabangsa</p> <p><b>Program 2:</b></p> <p>Kompilasi pandangan undang-undang</p>	<p><b>Program 1:</b></p> <p>Pelaksanaan audit pematuhan tempoh penyelesaian:</p> <p>a. Penyelidikan</p> <p>b. Nasihat Undang-Undang</p> <p><b>Program 2:</b></p> <p>Program pemantauan pegawai:</p> <p>a. Penyelidikan</p> <p>b. Nasihat Undang-Undang</p> <p><b>Program 3:</b></p> <p>Penyediaan Sistem Jadual Daftar:</p> <p>a. Penyelidikan</p> <p>b. Nasihat Undang-Undang</p>	<p><b>Program 1:</b></p> <p>Program Sangkutan Sementara (<i>Cross Fertilization</i>)</p>	<p><b>Program 1:</b></p> <p>Penyediaan Undang-Undang Model berkenaan Zakat dan Fitrah yang seragam dan digunakan oleh semua Negeri-Negeri.</p> <p><b>Program 2:</b></p> <p>Pindaan undang-undang model pentadbiran agama Islam Negeri Sabah dan Sarawak berhubung dengan peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua Agama Islam di Negeri tersebut.</p> <p><b>Program 3:</b></p> <p>Pengharmonian Undang-undang kontrak (Akta Kontrak 1950 [Akta 136]) yang selaras dengan hukum Syarak</p>
PENERAJU	Penasihat Hal Ehwal Antarabangsa	Penyelidikan	Hal Ehwal Antarabangsa	Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang

## KERANGKA PELAN STRATEGIK JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC) 2021-2025

<b>SEKTOR PERUNDANGAN</b>	<b>KEBERHASILAN STRATEGIK (Teras)</b>	<b>Teras 3: Undang-Undang Relevan dan Kemas Kini</b>	
	<b>TERAS STRATEGIK (Strategi)</b>	<b>Strategi 1:</b> Memastikan undang-undang yang digubal berdasarkan kehendak Kerajaan dan tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan	<b>Strategi 2:</b> Mengemas kini undang-undang melalui semakan dan cetakan semula undang-undang selaras dengan keperluan semasa
	<b>PROGRAM</b>	<p><b>Program 1:</b> Penambahbaikan dan pemerkasaan proses kerja penggubalan perundangan</p> <p><b>Program 2:</b> Pengemaskinian dan penambahbaikan Manual Penggubalan bagi Rang Undang-Undang dan Perundangan Subsidiari</p>	<p><b>Program 1:</b> Pengumpulan undang-undang yang belum disemak bagi maksud pendigitalan</p> <p><b>Program 2:</b> Pemanfaatan penggunaan teknologi bagi mempercepat proses penggubalan, penyemakan dan pencetakan semula undang-undang</p>
	<b>PENERAJU</b>	<b>Gubalan</b>	<b>Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang</b>



KERANGKA PELAN STRATEGIK JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC) 2021-2025

SEKTOR PENGURUSAN

<p><b>KEBERHASILAN STRATEGIK (Teras)</b></p>	<p><b>Teras 4:</b> Memantapkan Tadbir Urus Organisasi untuk Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan</p>		
<p><b>TERAS STRATEGIK (Strategi)</b></p>	<p><b>Strategi 1:</b> Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia</p>	<p><b>Strategi 2:</b> Mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)</p>	<p><b>Strategi 3:</b> Memantapkan Pengurusan Integriti Pegawai</p>
<p><b>PROGRAM</b></p>	<p><b>Program 1:</b> Pengukuhan perjawatan</p> <p><b>Program 2:</b> Pembangunan modal insan</p> <p><b>Program 3:</b> Pewujudan Pelan Landasan Kerjaya Pegawai Undang-Undang</p>	<p><b>Program 1:</b> Peningkatan tahap ketersediaan perkhidmatan TMK</p> <p><b>Program 2:</b> Peningkatan tahap keselamatan TMK</p> <p><b>Program 3:</b> Pemantapan pendigitalan perkhidmatan</p>	<p><b>Program 1:</b> Program pengukuhan sahsiah dan integriti pegawai</p> <p><b>Program 2:</b> Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) AGC: a. Penggubalan b. Pelaksanaan</p>
<p><b>PENERAJU</b></p>	<p><b>Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (SSM) Bahagian Pengurusan</b></p>	<p><b>Seksyen Teknologi Maklumat (STM) Bahagian Pengurusan</b></p>	<p><b>Unit Integriti</b></p>





# BAB 5 IMPLEMENTASI PENENTU KEJAYAAN

# ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Faktor penentu kejayaan ialah prasyarat dalam menentukan keberhasilan pelaksanaan strategi dan program yang telah dirangka dalam Pelan Strategik Jabatan Peguam Negara (AGC) 2021-2025. Antara elemen penentu kejayaan termasuklah:



## PELAPORAN

Pelan Strategik AGC 2021-2025 ini adalah merupakan pelan lima tahun yang akan membawa perkembangan AGC ke tahap yang lebih tinggi. Sehubungan itu, bagi memastikan Pelan Strategik ini dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh yang telah ditetapkan, strategi dan pelan tindakan akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut perancangan seperti Jadual di bawah:

BIL.	PERKARA	SASARAN
1.	Penyediaan laporan pelaksanaan program oleh pegawai penyelaras bahagian dan semakan laporan di peringkat Ketua Teras	Dua kali setahun
2.	Penilaian laporan pelaksanaan program melalui <b>Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik AGC</b>	Dua kali setahun
3.	Pembentangan laporan pelaksanaan melalui <b>Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik AGC</b>	Sekali setahun
4.	Kajian Semula, Penilaian dan Penambahbaikan Pelan Keseluruhan	Tahun 2023

# PEMANTAUAN

Bagi memastikan pelaksanaan strategi dan program yang telah dirangka dalam Pelan Strategik Jabatan Peguam Negara (AGC) 2021-2025 dilaksanakan secara berkesan, pemantauan sepanjang tempoh lima (5) tahun akan dijalankan melalui dua (2) jawatankuasa iaitu **Jawatankuasa Pemandu** dan **Jawatankuasa Kerja** Pelan Strategik AGC 2021-2025. Oleh itu **struktur tadbir urus** pelan ini telah diwujudkan seperti berikut:



# JAWATANKUASA PEMANDU PELAN STRATEGIK AGC 2021-2025

## KEAHLIAN

### Pengerusi

Peguam Cara Negara

### Pengerusi Ganti

Dilantik oleh Pengerusi dari salah seorang Ketua Bahagian mengikut kesesuaian dan keperluan

### Ahli

Ketua Bahagian; atau  
Timbalan Ketua Bahagian

### Urus Setia

Bahagian Pengurusan

## TERMA RUJUKAN

### PERANAN JAWATANKUASA

Menyampaikan **gambaran dan hala tuju** Kerajaan bagi tempoh lima (5) tahun;

Menetapkan **hala tuju dan strategi** untuk pembangunan dan pelaksanaan Pelan Strategik AGC 2021-2025;

Mempertimbangkan dan **meluluskan cadangan Teras, Strategi dan Program** di dalam Pelan Strategik AGC 2021-2025;

Membuat **keputusan** terhadap sebarang perubahan Strategi/ Program; dan

Mengesahkan **Kajian Separuh Penggal** Pelan Strategi AGC 2021-2025 dan memperaku kemajuan pelaksanaan program menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik AGC 2021-2025

## KEKERAPAN MESYUARAT

**1 KALI SETAHUN / MENGIKUT KEPERLUAN**

# JAWATANKUASA KERJA PELAN STRATEGIK AGC 2021-2025

## KEAHLIAN

### Pengerusi

Ketua setiap Sektor  
(berdasarkan Tadbir Urus OBB)

### Pengerusi Ganti

Dilantik oleh Pengerusi dari salah seorang  
Ketua Bahagian setiap sektor mengikut  
kesesuaian dan keperluan

### Ahli

Wakil Bahagian sekurang-kurangnya  
pegawai Gred 54

### Urus Setia

Sekretariat mengikut Sektor  
berdasarkan Tadbir Urus OBB

## TERMA RUJUKAN

### PERANAN JAWATANKUASA

**Merancang dan menyediakan program** di bawah Pelan Strategik AGC 2021-2025;

**Mengkaji dan menyemak** semula pelaksanaan program mengikut keperluan untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik AGC 2021-2025;

Menilai semula **kepentingan dan keberkesanan** sesuatu program;

Mengenal pasti **isu-isu pelaksanaan** program yang dirancang;

Menjalankan **Kajian Separuh Penggal** Pelan Strategik AGC 2021-2025; dan

Menyediakan **laporan prestasi program** dan membentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik AGC 2021-2025 sekurang-kurangnya sekali (1) setahun

## KEKERAPAN MESYUARAT

**2 KALI SETAHUN / MENGIKUT KEPERLUAN**



## AHLI JAWATANKUASA KERJA

### Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang



Nik Rosmilawati binti Nik Yusoff  
Rosmawati binti Hussin



### Bahagian Penasihat



Maslinda@Linda binti Mohd Ainal  
Rosli bin Ahmad



### Bahagian Guaman



Shamsul bin Bolhassan  
Norfauzani binti Mohd Nordin



### Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa



Muhammad Rushdan bin Mohamed  
Farhati binti Ahmad Tajuddin



# AHLI JAWATANKUASA KERJA

## Bahagian Gubalan



Shukriah Hamidah binti Mohamad



Adlena binti Ab. Aziz

## Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang



Ramzi bin Osman



Mohd Syahrizal Syah bin Zakaria

## Bahagian Penyelidikan



Datuk Nazran bin Mohd Sham



Adilla binti Ahmad

## Bahagian Pendakwaan



Rosidah binti Abu Bakar



Mohd Sabri bin Othman

## AHLI JAWATANKUASA KERJA

### Bahagian Perbicaraan dan Rayuan



Ku Hayati binti Ku Haron  
Nurul Farhana binti Khalid



### Bahagian Pengurusan (Seksyen Sumber Manusia)



Noranisah binti Mohamed Hisa

### Bahagian Pengurusan (Seksyen Teknologi Maklumat)



Kamarul Arif bin Yusoff

### Unit Integriti



Mariati binti Mohd Zaini

# URUS SETIA INDUK PELAN STRATEGIK JABATAN PEGUAM NEGARA 2021-2025



Mohd Zaini bin Zakaria



Noor Mohd Huzaila bin Abdul Majid



Siti Norashikin binti Kamarudin



Nor Asmida binti Musa



Nabila Hanis binti Azmi



Siti Hazira binti Mazlan



Rohaya Arniza binti Hassan








# BAB 6 PENUTUP

Pelan Strategik AGC 2021-2025 telah dirangka selari dengan hala tuju AGC yang turut menyokong kepada pelaksanaan dasar-dasar utama Kerajaan seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2033 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Selain itu, pelan ini juga sebagai satu usaha untuk penambahbaikan yang berterusan agar fungsi dan kewujudan AGC kekal relevan.

Pelan ini menggariskan hala tuju Jabatan melalui 4 teras strategik, 11 strategi dan 25 program yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun. Pemantauan bagi setiap strategi dalam Pelan Strategik ini dilaksanakan secara berkala melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik AGC dan

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik AGC bagi memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan jayanya.

Secara keseluruhannya, Pelan Strategik AGC 2021-2025 akan menyatukan dan menggerakkan setiap Bahagian di AGC bagi mencapai visi, misi dan matlamat perancangan strategik yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah diharapkan agar warga AGC menghayati peranan yang telah ditetapkan serta mengorak langkah untuk bersama-sama melonjakkan prestasi ke tahap yang lebih baik. Kerjasama serta persefahaman dengan pelbagai pihak yang berkepentingan perlu terus dipertingkatkan supaya fungsi AGC dapat dilaksanakan dengan cekap dan efisien.





# PENGHARGAAN

*Ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada*

**YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun**  
Peguam Negara

**YBhg. Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh**  
Peguam Cara Negara

**YBhg. Datuk Abdul Razak bin Musa**  
Mantan Peguam Cara Negara

**YBhg. Datuk Siti Zainab binti Omar**  
Peguam Cara Negara II

**Semua Ketua Bahagian, Timbalan Ketua Bahagian dan Ketua Unit  
dalam meluangkan masa dan mengemukakan input**

Bahagian Pendakwaan  
Bahagian Guaman  
Bahagian Perbicaraan dan Rayuan  
Bahagian Penasihat  
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa  
Bahagian Penyelidikan  
Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang  
Bahagian Gubalan  
Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang  
Bahagian Pengurusan  
Unit Naziran  
Unit Audit Dalam  
Unit Integriti  
Unit Komunikasi Strategik

## PASUKAN EDITOR

Noor Mohd Huzaila bin Abdul Majid  
Mohd Zaini bin Zakaria  
Siti Norashikin binti Kamaruddin  
Nor Asmida binti Musa  
Nabila Hanis binti Azmi  
Siti Hazira binti Mazlan  
Rohaya Arniza binti Hassan

Terima kasih jua kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik AGC 2021-2025 yang telah bertungkus-lumus menggembleng tenaga dan masa dalam menjayakan buku Pelan Strategik AGC 2021-2025 ini :

Nik Rosmilawati binti Nik Yusoff  
Muhammad Rushdan bin Mohamed  
Shamsul bin Bolhassan  
Maslinda @ Linda binti Mohd Ainal  
Shukriah Hamidah binti Mohamad  
Adlena binti Ab. Aziz  
Rosmawati binti Hussin  
Rosli binti Ahmad  
Farhati binti Ahmad Tajuddin  
Datuk Nazran bin Mohd Sham  
Ramzi bin Osman  
Rosidah binti Abu Bakar  
Mohd Sabri bin Othman  
Ku Hayati binti Ku Haron  
Nurul Farhana Binti Khalid  
Norfauzani binti Mohd Nordin  
Adilla binti Ahmad  
Mohd Syahrizal bin Shah Zakaria  
Noranisah binti Mohamed Hisa  
Kamarul Arif bin Yusoff  
Mariati binti Mohd Zaini





**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PEGUAM NEGARA**

No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya, W.P Putrajaya, Malaysia.

Telefon : 03-8872 2000 | Faks : 03-8890 5670

[www.agc.gov.my](http://www.agc.gov.my)